

20 FEBRUARI 2023

Dibawa jauh dari penempatan manusia bagi menjamin keselamatan penduduk

## Gajah ragut 2 nyawa dipindahkan

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

**LIPIS** – Sekor gajah jantan liar yang ditangkap pada 14 Februari lalu dipindahkan ke habitat asal yang jauh daripada penempatan manusia dalam operasi pemindahan gajah di Kampung Simoi Lama, Pos Betau dekat sini kelmarin.

Tangkapan itu dilakukan oleh Unit Tangkapan Gajah (UTG) Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Langkawi.

Difahamkan, gajah yang dianggarkan berusia 44 tahun itu menyerang manusia yang menyebabkan dua nyawa terkorban pada 6 Disember tahun lalu dan 9 Januari lepas di Kampung Simoi Baru dan Kampung Tual Pos Sinderut di sini.

Menurut Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd. Zamzuri Chik Wan Ab. Rahman, operasi pemindahan gajah itu bermula pada pukul 9 pagi sebelum haiwan berkenaan berjaya dinaikkan ke atas lori pada pukul 12 tengah hari.

"Kakitangan UTG dan Perhilitan (Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara) Pahang memulakan operasi dengan



GAJAH jantan liar yang dipercayai menyebabkan dua nyawa terkorban dipindahkan ke habitat asal jauh dari penempatan penduduk di Lipis kelmarin.

menarik gajah jantan liar seberat tiga tan itu sejauh 1 kilometer (km) ke loading bay melalui jalan balak sejauh 8 km untuk dinaikkan ke atas lori.

"Operasi ini turut dibantu dua

ekor gajah denak iaitu Kasturi dan Rambai yang digunakan untuk memujuk dan menarik gajah liar berkenaan ke atas lori," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ujar Che Ku Mohd. Zamzuri, operasi pemindahan itu melibatkan 26 anggota UTG PKGK Kuala Gandah serta kakitangan Perhilitan Pahang.

Katanya lagi, gajah liar ber-



KERATAN Kosmo! 7 Disember 2022.

kenaan berjaya ditangkap pada 14 Februari lalu selepas pihaknya menerima aduan daripada penduduk setempat yang melihat haiwan terbabit telah masuk ke kawasan penempatan dan memusnahkan tanaman di kebun mereka.

"Gajah jantan ini dipercayai terpisah daripada kumpulannya yang menghuni Hutan Simpan Ulu Jelai.

"Ia adalah antara kawanan (gajah liar) yang menceroboh kebun dan mengancam keselamatan masyarakat Orang Asli di beberapa penempatan sebelum ini.

"Operasi menangkap dan memindahkan haiwan terbabit akan terus dilakukan sekiranya kawanan gajah liar terus mengancam keselamatan penduduk Orang Asli yang berada dalam kebimbangan sejak akhir tahun lalu," ujarnya.